

26/02/2003

Hukuman penjara, denda jika musnahkan tanah tinggi

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Pentadbir tanah yang meluluskan projek dan pihak yang memusnahkan kawasan tanah tinggi, termasuk meratakan bukit sewenang-wenangnya boleh dipenjarakan atau denda apabila kegiatan itu diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah.

Sehubungan itu, Akta Pentadbiran Tanah 1960 dan Kanun Tanah akan dipinda bagi mentakrif kegiatan itu sebagai kesalahan mengikut Kanun Keseksaan.

Pindaan itu juga akan memberi tumpuan mengetatkan kuasa pentadbir tanah bagi mengelakkan pemberian kelulusan sewenang-wenangnya terutama membabitkan projek di kawasan bukit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata dengan pindaan itu tidak timbul lagi isu berhubung bidang kuasa terhadap tanah.

"Apabila sesuatu dijadikan perkara jenayah, ia serta-merta menjadi perkara Persekutuan... tidak kira sama bidang tugas dan kuasa di bawah negeri atau mana-mana pihak.

"Ini (membotakkan bukit) boleh dianggap memusnahkan khazanah generasi akan datang. Ini bukan soal tanah sangat lagi, ini soal kepentingan rakyat dan generasi akan datang.

"Agensi atau pihak yang sewenang-wenangnya membotakkan bukit bukau adalah memusnahkan khazanah generasi akan datang. Jadi kalau ia dijadikan jenayah, mereka terbabit akan dihukum penjara atau denda atau kedua-duanya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat Menteri Kehakiman Timor Leste, Dr Anna Pessoa Pinto di pejabatnya di sini semalam.

Awal bulan ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan kemarahan terhadap pemaju yang meratakan kawasan bukit bagi melaksanakan projek di kawasan tanah tinggi.

Perdana Menteri juga mencadangkan pihak yang sewenang-wenangnya meratakan bukit dikenakan hukuman penjara bagi mengelak masalah itu.

Saranan itu dibuat Dr Mahathir ketika mengulas tindakan pihak tertentu yang tidak mengendahkan larangan berhubung penggunaan jentera berat dan meratakan bukit.

New Straits Times (NST) akhir bulan lalu melaporkan sekumpulan syarikat menggunakan jentera berat dalam kerja merata dan membangunkan semula sebahagian kawasan yang dulunya milik Blue Valley Tea Plantation, di Cameron Highlands.

Rais menegaskan Akta Pentadbiran Tanah 1960 agak ketinggalan terutama berhubung kuasa pentadbir tanah dan kelulusan kerja membotakkan bukit selain membenarkan penanaman di kawasan tanah tinggi.

Katanya, pentadbir tanah dengan mudah menggunakan budi bicara masing-masing membenarkan mana-mana pihak menerangkan atau menebang bukit

bukau,  
serta mewujudkan struktur bangunan di sana.

"Budi bicara pihak berkenaan begitu luas. Saya berpendapat budi bicara ini dihadkan dan sebelum ia (permohonan) diluluskan, pemeriksaan harus dilakukan.

"Menerusi pindaan yang dicadangkan, sebarang pembinaan di kawasan bukit akan lebih tegas dan mereka (pentadbir tanah) tidak boleh memberi kelulusan sewenang-wenang.

"Ini bagi memastikan kelulusan tidak mudah diperolehi," katanya sambil menambah satu jawatankuasa membabitkan pihaknya dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan menghalusi semua cadangan sebelum Kertas Kabinet disediakan.

Rais berkata, sistem penguatkuasaan juga harus diperketatkan bagi memastikan tiada kegiatan meratakan bukit dilakukan sehingga merosakkan alam sekitar.

Katanya, ketika ini pemeriksaan hanya dilakukan apabila sesuatu kerja meratakan bukit sudah dilakukan.

"Jika dilakukan pemeriksaan berjadual sekali sebulan atau sekali dalam dua bulan, pentadbir tanah melihat perkara ini satu tanggungjawab.

"Jadi pihak saya mencadangkan kepada kementerian supaya usaha berjadual ini dilakukan serentak mengikut akta itu," katanya.